

BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN PERNIAGAAN HAIWAN BELAAN

BIL.	SYARAT-SYARAT
1.	Aktiviti belaan haiwan tidak dibenarkan setempat atau berhampiran dengan tempat makanan, kediaman, pekerjaan atau tempat yang tidak sesuai atas sebab pencemaran dan kesihatan daripada najis, kencing dan kekotoran haiwan.
2.	Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain di premis itu tanpa lesen atau kebenaran Jabatan Pelesenan Dan Penguatkuasaan, MDKS.
3.	Dilarang menggunakan mana-mana bilik/ruang di premis untuk tempat tidur, tempat makan atau aktiviti yang bahaya atau memerlukan lesen MDKS tanpa kebenaran Jabatan Pelesenan Dan Penguatkuasaan, MDKS.
4.	Premis dan persekitaran hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih, kemas dan teratur.
5.	Seluruh premis termasuk kawasan persekitaran hendaklah bebas daripada serangga dan rodensia/haiwan perosak.
6.	Premis hendaklah mempunyai pengudaran (ventilation) dan cahaya(lighting) yang sempurna dan mencukupi.
7.	Premis hendaklah mempunyai tandas lelaki dan perempuan yang berasingan lengkap dengan sinki, sabun, tong sampah dan sebagainya yang sempurna serta dalam keadaan bersih, baik dan kemas.
8.	Dinding dalam premis hendaklah disudahi bahan kalis air yang senang dicuci dan berwarna ringan seperti ubin gerlis, "epoxy", kaca, keluli dan bahan yang sama jenisnya.
9.	Lantai premis hendaklah berkonkrit dan kuat serta berwarna ringan berbahan "non-slip" dan senang dicuci.
10.	Premis hendaklah mempunyai tempat /pusat pembuangan sampah dan tong-tong sampah yang sempurna dan mencukupi serta perkhidmatan pembuangan sampah yang baik dan dilesenkan oleh Jabatan Pelesenan Dan Penguatkuasaan, MDKS.
11.	Dilarang menghalang mana-mana laluan tempat letak kereta, longkang, pintu keluar masuk , tangga, kaki lima, jalan atau mana-mana kawasan awam.
12.	Tidak dibenarkan menjual atau menyimpan haiwan belaan yang didaftar oleh Mergastua atau yang merbahaya atau membawa penyakit-berjangkit tanpa kebenaran Jabatan Pelesenan Dan Penguatkuasaan, MDKS.
13.	Semua barang-barang hendaklah diletak atau disimpan atas rak-rak, pallet atau kabinet/kaunter dengan kemas, bersih dan teratur.
14.	Mengadakan peti rawatan kecemasan yang lengkap dan sempurna.
15.	Premis hendaklah mempunyai sistem bekalan air, elektrik, pembentungan dan peparitan yang berkeadaan baik, bersih dan selamat.
16.	Mengadakan alat pemadam api dan sistem pencegahan kebakaran yang sempurna dan mencukupi yang diluluskan oleh Jabatan Pelesenan Dan Penguatkuasaan, MDKS.